

09 OCT 2001

LIMA-Najib

PENINGKATAN BILANGAN TETAMU BUKTIKAN KEYAKINAN TERHADAP MALAYSIA

LANGKAWI, 9 Okt (Bernama) -- Peningkatan bilangan tetamu kerajaan yang menghadiri Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi 2001 (LIMA '01), di sini jelas membuktikan keyakinan kerajaan asing terhadap Malaysia walaupun wujud kebimbangan untuk keluar negara dalam keadaan semasa.

Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata LIMA '01 mencatatkan peningkatan sebanyak sembilan peratus jumlah tetamu kerajaan berbanding LIMA yang diadakan pada 1999.

Tetamu kerajaan itu termasuklah Menteri, Setiausaha Agung, Ketua Angkatan Tentera, Ketua Perkhidmatan dan Ketua Polis, katanya pada perasmian LIMA '01 yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Najib berkata LIMA '01, yang merupakan siri keenam, dirancang sebagai pameran terbesar dan terbaik sejak dilaksanakan pada 1991, namun tragedi 11 Sept di Amerika Syarikat memberi impak global termasuk LIMA '01.

Bilangan pesawat yang menyertai pameran itu merosot sebanyak kira-kira 20 peratus daripada LIMA '99, katanya.

Sejumlah 96 pesawat mengambil bahagian kali ini termasuk Su-30MK, pesawat pengebom jarak jauh pelbagai fungsi generasi baru, AN24, pesawat pengangkut terbesar di dunia, Be-200 jet yang boleh bergerak dalam air dan darat yang pertama di dunia, kesemuanya dari Rusia, F/18 E/F Super Hornet dari Amerika Syarikat dan pesawat Eagle pertama Malaysia yang tidak menggunakan juruterbang.

Najib bagaimanapun berkata terdapat sedikit peningkatan daripada segi penggunaan ruang lantai pada LIMA '01 oleh kira-kira 300 peserta segmen udara dari 27 negara.

Peserta pameran itu termasuklah Boeing dari Amerika Syarikat, BAE Systems (United Kingdom), Sukhoi Design Bureau dan MiG Mapo (Rusia).

Najib berkata terdapat peningkatan 10 peratus penggunaan ruang lantai oleh 300 peserta dari 22 negara bagi segmen maritim.

Antara tarikan pada segmen maritim ialah kapal pelbagai guna Its San Guisto milik Tentera Laut Itali, Helikopter buatan Perancis, Fennec yang digunakan oleh Unit Udara Tentera Laut Diraja Malaysia dan CB-90H bot tempur pasukan tindakan khas dari Sweden,

Segmen udara yang berlangsung di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri, bersebelahan Lapangan terbang Antarabangsa Langkawi, dianjurkan oleh Le Proton LIMA Sdn Bhd.

Segmen maritim dianjurkan oleh HW LIMA Sdn Bhd di Star Cruise Terminal, Porto Malai, di sini.

LIMA berlangsung dari 9 hingga 14 Okt dengan empat hari pertama dikhususkan kepada pengunjung perdagangan dan tetamu jemputan dan dua hari terakhir dibuka kepada orang ramai dengan bayaran masuk RM20 bagi dewasa dan RM10 kanak-kanak (berumur antara 7-16 tahun).

Selain pameran pesawat dan kapal statik bagi kedua-dua segmen, pertunjukan udara dan aerobatik juga akan diadakan di sepanjang pameran itu.

LIMA adalah tempat pertemuan pempamer udara dan maritim serta pedagang bagi mempamerkan produk dan teknologi canggih untuk pasaran pertahanan yang semakin meningkat di rantau ini.

Yang turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Pertahanan British Lord Bach.

-- BERNAMA

JM NH LAT